



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

**S.A. 2018/12/85 (HQ)**

### **KUARTERS TNB TERIMA ANUGERAH CERIA**

Residensi TNB di Kelana Jaya meraih Anugerah Bangunan Ceria 2018, yang mengiktiraf bangunan itu sebagai memiliki ciri-ciri konsep bangunan hijau, sekali gus menyokong usaha kerajaan dalam melestarikan persekitaran alam sekitar.

Anugerah di bawah kriteria Indeks Bangunan Hijau (GBI) bagi Bahan dan Sumber (MR), untuk kategori Jenis Bangunan Kediaman Bertingkat itu, diterima pada majlis Anugerah Bangunan Hijau, anjuran Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), sempena Program Bangunan Ceria 2018, di sini, baru-baru ini.

Penilaian terhadap Residensi TNB dibuat merangkumi penggunaan bahan guna semula dan kitar semula, penggunaan sumber mapan, pengurusan sisa serta penggunaan bahan mesra alam dalam proses pembinaannya.

Dengan matlamat untuk menghargai pemilik dan pemaju bangunan menyokong usaha menyediakan bangunan yang memenuhi syarat-syarat Bangunan Hijau di Petaling Jaya, MBPJ bekerjasama dengan Green Building Index Accreditation Panel (GBIAP) untuk menentukan pemenang bagi setiap kategori.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar kepada Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek dan Pengurus Kanan (Strategy & Portfolio Planning), Jabatan Real Estate Ventures (REVD) TNB, Elmie Fairul Mashuri.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Disember 2018, jam 12.00 tengah hari**

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*